

UUM ONLINE: SUKACITA dimaklumkan bahawa Kumpulan Kearifan Tempatan, Universiti Sains Malaysia (USM) akan menganjurkan **Persidangan Serantau Kearifan Tempatan** seperti berikut:

Tarikh : 10 – 11 Oktober 2011 (Isnin – Selasa)
Tempat : Kampung Tok Senik Resort, Langkawi, Kedah

Persidangan ini adalah untuk mengenalpasti dan menggalur semula kearifan tempatan, memulihara dan memelihara ilmu tempatan kepada masyarakat dan komuniti.

Kearifan tempatan merupakan program penyelidikan mengenai ilmu tempatan di Malaysia. Kumpulan penyelidikan ini telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2010 dan terdapat lebih kurang 70 orang ahli dalam kalangan pensyarah dari pelbagai pusat pengajian dan individu terpilih.

Peserta persidangan ini terdiri daripada pensyarah dan pelajar universiti-universiti di Malaysia dan rantau ASEAN.

Sehubungan dengan itu, Universiti Sains Malaysia (USM) mempelawa warga kampus yang berminat menyertai persidangan ini.

Yuran penyertaan RM400 (staf) dan RM250 (pelajar).

Borang penyertaan dan brosur seperti di lampiran.

Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi talian 04-653 2151 / 3929.

=====
DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my